



**TEKS AMANAT  
YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS AMANAT KSN TAHUN 2024**

**“KITALAH BENTENG MALAYSIA”**

**13 FEBRUARI 2024 (SELASA) 2.30 PM  
PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Terima kasih pengacara majlis**

**SALUTASI**

**Assalamualaikum WBT, Salam  
Perpaduan dan Salam  
MALAYSIA MADANI.**

**2. Alhamdulillah, saya  
menzahirkan rasa syukur ke**

**hadrat Allah SWT, kerana  
dengan izin dan rahmat-Nya,  
kita dapat bersama-sama bagi  
berkongsi aspirasi dan  
harapan baharu kepada  
perkhidmatan awam, bagi  
tahun 2024.**

**3. Terima kasih saya  
ucapkan kepada semua yang  
hadir pada hari ini, atau yang  
sedang menonton secara**

**dalam talian, walau di mana  
berada. Sesungguhnya,  
kehadiran semua amat  
memberikan makna kepada  
majlis pada petang ini.**

**4. Belum terlambat  
rasanya untuk saya  
mengucapkan Selamat Tahun  
Baharu Cina, Selamat Hari  
Wilayah, dan Selamat  
Menyambut Hari Thaipusam**

**kepada semua yang menyambutnya.**

**5. Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah, menjunjung kasih atas sumbangan bakti:**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16**

AI-Sultan

# **Abdullah**

# **Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah**

# **Shah Ibni Almarhum Sultan**

# **Haji Ahmad Shah Al-Musta'in**

# **Billah;**

**dan,**

# **Kebawah Duli Yang Maha**

## **Mulia Seri Paduka Baginda**

# **Raja Permaisuri Agong Tunku**

## **Azizah      Aminah      Maimunah**

**Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;**

**sempena tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong.**

**6. Merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah juga dipersembahkan kepada:**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17,  
Sultan Ibrahim;**

**dan,**

**Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Seri Paduka Baginda  
Raja Permaisuri Agong, Raja  
Zarith Sofiah binti Almarhum  
Sultan Idris Shah;**

**atas perlantikan sebagai Seri  
Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong yang ke-17.  
Menjunjung kasih, Tuanku.  
Sesungguhnya seluruh warga  
perkhidmatan awam amat**

**bersukacita atas perlantikan  
Tuanku.**

**PENGHARGAAN KEPADA  
KETUA SETIAUSAHA / KETUA  
PENGARAH DAN PENJAWAT  
AWAM**

**7. Di kesempatan ini juga, saya  
mahu menzahirkan ucapan  
terima kasih kepada semua  
anggota Perkhidmatan Awam,**

**Peguam Negara ada di sini,  
Paglima Angkatan Tentera,  
Ketua Polis Negara, Ketua  
Pengarah Perkhidmatan  
Awam, Ketua Setiausaha  
Perbendaharaan, Ketua-ketua  
Setiausaha Kementerian,  
Ketua-ketua Pengarah  
Jabatan / Agensi dan seluruh  
pasukan atas komitmen yang  
tinggi dalam berusaha**

**mencapai ekspektasi yang  
diharapkan.**

**8. Saya sedar, dengan  
pelbagai cabaran dalam  
tempoh 4 tahun ini,  
memerlukan bukan sahaja  
keringat dan titik peluh,  
malahan juga proses adaptasi  
dan tindakan penuh hikmah  
dalam memastikan bahtera  
perkhidmatan awam kekal**

**teguh melayari ketidak tentuan dan ketidak pastian yang dihadapi.**

**9. Hari ini, ekonomi negara berkembang di trajektori tepat dengan mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.3 peratus pada suku empat tahun 2023. Kedudukan negara dalam *World Competitiveness Ranking* yang**

**dikeluarkan oleh IMD juga mencatatkan kedudukan ke-27 daripada kedudukan ke-32 pada tahun 2022. Begitu juga kedudukan dalam *Corruption Perception Index* (CPI) mencatatkan peningkatan signifikan dari kedudukan ke-61 pada tahun 2022 ke kedudukan 57 pada tahun 2023.**

**10. Siapa yang menjayakan segala dasar di peringkat pelaksanaan? Saudara dan saudari semua yang bertungkus lumus memastikan sasaran, objektif dan hasrat Stakeholders direalisasikan sebaiknya. Penjawat awam adalah sinonim dengan kata-kata hero tidak didendang, buat tidak dikenang, dan jika**

**terkurang, maka kita terus  
dijadikan sasaran.**

**11. Tapi janganlah kita lemah  
dan longlai dengan tanggapan  
sebegitu, kerana kita tahu kita  
hanya memegang amanah, dan  
akan terus menjalankan  
amanah dan kepercayaan itu  
dengan sebaiknya.**

**12. Dan saya juga percaya  
semua dihadapan saya telah**

**cuba sehabis baik, dan akan sentiasa terus berusaha memberikan yang terbaik demi perkhidmatan awam untuk kebaikan yang berterusan bagi rakyat dan negara yang kita cintai. Terima kasih sekali lagi kepada semua!.**

**RETROSPEKTIF AMANAT  
TERDAHULU**

**Hadirin yang saya kasih  
sekalian,**

**13. Dalam ucapan amanat-  
amanat saya sebelum ini, saya  
telah memperkenalkan  
beberapa prinsip untuk  
dijadikan pegangan kepada  
penjawat awam dalam  
melunasi tanggungjawab  
menyampaikan perkhidmatan  
kepada rakyat:**

**14. Prinsip “Trust to Serve”**  
**atau “Kepercayaan untuk**  
**Berkhidmat” pada tahun 2020,**  
**menekankan pentingnya taat**  
**setia penjawat awam kepada**  
***government of the day;***

**15. Prinsip “F.A.S.T.E.R.”**  
**dalam amanat tahun 2021,**  
**yang bertujuan untuk**  
**memastikan jentera**

**perkhidmatan awam dapat  
segera membantu rakyat  
semasa tempoh pandemik  
COVID-19;**

**16. Prinsip “S.W.I.F.T.” yang  
diketengahkan pada tahun  
2022 bagi memacu fasa  
pemulihan ekonomi negara  
yang menuntut anjakan  
tindakan serta cara kerja  
penjawat awam; dan**

**17. Pada tahun 2023 yang  
lalu, prinsip “The G.R.E.A.T.  
Civil Service” diperkenalkan  
sebagai etos baharu  
perkhidmatan awam yang  
mendokong pembinaan negara  
**MADANI.****

**18. Saya tidak bercadang  
untuk memperkenalkan  
prinsip baharu pada tahun ini.  
Sebaliknya, saya ingin**

**menumpukan kepada pencapaian semasa kita dalam konteks sejauh mana falsafah G.R.E.A.T. itu dihayati dan memberikan impak kepada perkhidmatan awam dan juga penjawat awam, serta setakat mana The G.R.E.A.T. Civil Service menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI.**

**19. Saya sendiri telah membuat sedikit kajian ringkas berkenaan dengan perkara ini, dengan bertanya kepada ahli-ahli KSU/KP beberapa soalan yang saya kira berkait.**

**20. Dari 39 ahli KSU/KP sedia ada, seramai 31 orang telah menjawab. Terima kasih saya ucapkan. 8 orang lagi yang tak**

**jawab mungkin sedikit sibuk untuk menjawab 9 soalan ringkas ini. Senarai nama yang tak jawab pun saya ada.**

**21. Berdasarkan kajian ringkas ini, lebih 90 peratus bersetuju bahawa warga Kementerian memahami sepenuhnya falsafah Malaysia MADANI dan prinsip G.R.E.A.T., sementara ada**

**segelintir yang tidak pasti –  
faham atau tidak warganya  
tentang Malaysia MADANI ini.**

**22. Daripada segi pengaplikasian Malaysia  
MADANI dan prinsip G.R.E.A.T.  
pula, nampaknya hampir  
semua bersetuju kedua-  
duanya diaplikasikan dalam  
membuat perancangan dan  
pelaksanaan program atau**

**projek di peringkat Kementerian.**

**23. Manakala daripada segi pembudayaan prinsip G.R.E.A.T., semua bersetuju bahawa prinsip ini melengkapi aspirasi Malaysia MADANI.**

**24. Nampaknya semua bersetuju sahaja, dan tidak ada yang tidak bersetuju. Syabas dan terima kasih saya**

**ucapkan kerana ini secara  
tidak langsung menunjukkan  
sokongan dan dokongan  
semua kepada dasar Kerajaan.**

**25. Namun kelihatannya ia  
seolah-olah sedikit canggung  
dengan situasi semasa yang  
dilaporkan di dada akhbar, di  
dalam laporan-laporan audit  
khas, kes-kes melibatkan  
salah laku dan integriti**

**penjawat awam dan masih ada lagi projek lewat dan projek sakit.**

**26. Tidak perlu untuk saya nyatakan secara terperinci, namun apa yang dilaporkan sama ada tersebar di media perdana atau media sosial, itu merupakan satu cabaran bersama yang harus kita tangani dan atasi.**

**27. Justeru, sebagai langkah solusinya, saya minta JPA dan INTAN untuk terus memperluaskan lagi kursus-kursus tentang Malaysia MADANI dan kursus GREAT kepada semua peringkat perkhidmatan awam.**

**28. Jadi, mungkin selepas itu juga nanti akan ada keperluan untuk INTAN atau pihak-pihak**

**yang tertentu buat kajian keberkesanan pembudayaan program-program ini secara lebih menyeluruh bagi sektor awam.**

# **MEGATRENDS**

# **BAHARU**

# **SERTA**

# **CABARAN**

# **MASA**

# **HADAPAN**

**Hadirin yang saya kasihi  
sekalian,**

**29. Putaran ganas**

**globalisasi telah merubah cara dan bagaimana sebuah Kerajaan itu bertindak dan berfungsi. Baik dari dimensi cabaran ekonomi, kerencaman isu sosial, ancaman keselamatan dan kedaulatan, membangunkan infrastruktur terbaik, teknologi yang menggendala dan kepantasan digitalisasi, serta soal**

**tatakelola dan reformasi  
perundangan.**

**30. Rangkuman analisis oleh  
*National Intelligence Council,*  
*United States* membangkitkan  
isu *fragmentation,*  
*disequilibrium,* *contestation,*  
and *adaptation.***

**31. Kalau kita lihat dekad  
sebelum ini, negara-negara**

**maju di dunia berlumba-lumba untuk bersaing dalam bidang teknologi dan digitalisasi. Hari ini, tidak ada negara dibangunkan tanpa internet dan teknologi digital. Urus niaga melalui maya itu sudah begitu diarus perdana, perbankan juga tanpa tunai dan *fintech* menjadi imperatif baharu yang harus diterokai.**

**32. Namun ironinya,**

**fragmentation itu terhasil kerana faktor “very connectivity” dan “hyper-connected” di peringkat komuniti, negeri dan global.**

**Kepantasan saling-hubungan ini sebenarnya dengan cepat merenggangkan komuniti dan masyarakat, kerana maklumat yang diterima dengan begitu pantas – tanpa sempat**

**diselidiki kebenaran dan kesahihannya – mencipta ruang menimbulkan kebencian serta ekstremisme yang membunuh semangat bermasyarakat.** *As these connections deepen and spread, they are likely to grow increasingly fragmented along national, cultural, and political preferences.*

**33. *Disequilibrium* itu pula terjadi apabila fragmentation itu tadi menjalar dalam kalangan rakyat lantas mewujudkan *mismatch* dalam pelaksanaan dasar dan sistem. Ini bertambah parah apabila ketidakseimbangan ini, dalam konteks negara kita sebelum ini, telah melibatkan dasar terdahulu yang**

**mendokong kestabilan politik  
dan negara ini.**

**34. Contohnya dasar pengagihan bantuan rakyat sebelum ini, itu banyak dipengaruhi sentimen yang menolak keadilan kepada yang berhak. Kerajaan hari ini, tampil untuk menyusun semula ketidakseimbangan ini, dan meletakkan keadilan**

**dan kesaksamaan itu pada haknya.**

**35. *Contestation* muncul apabila *disequilibrium* yang mengakar dari *fragmentation* itu mewujudkan keraguan dan ketidakpercayaan, dalam kalangan masyarakat, mahupun sesama agensi dalam Kerajaan, lantas keraguan itu mencipta**

**persaingan yang akhirnya tidak menguntungkan apa-apa, meleburkan banyak kos yang besar, berlakunya pertindihan fungsi, serta melibatkan kumpulan sasar yang sama.**

**36. Dalam hal ini, Adaptation adalah *key source of advantage* kepada kita hari ini. Teknologi pula menjadi kunci kepada kelebihan persaingan**

**dengan negara lain. Kerana itu, Kerajaan memisahkan fungsi KKD dulu kepada Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital. Ini kerana usaha digitalisasi itu harus berfokus dan terarah.**

**37. Negara yang pantas mengoptimumkan *artificial intelligence* sebagai contoh, akan melonjakkan produktiviti**

**dan daya saing mereka dengan  
lebih pantas, membuka  
pelbagai rangkaian  
perkhidmatan yang lebih luas,  
mengurangkan hutang negara,  
mengatasi isu *ageing*  
*population*, serta berupaya  
mengeluarkan negara dari  
perangkap negara pendapatan  
sederhana.**

# **HASRAT DAN ASPIRASI**

## **KEPIMPINAN NEGARA**

**Hadirin yang saya kasih  
sekalian,**

**38. Yang Amat Berhormat  
Perdana Menteri, dalam  
ucapan amanat beliau yang  
julung kalinya diadakan pada  
awal tahun lepas, telah**

**memperkenalkan gagasan ‘Malaysia MADANI’.**

**39. Aspirasi ‘Malaysia MADANI’ ini diperkenalkan dengan harapan untuk memantapkan lagi strategi pentadbiran negara.**

**40. Bagi mendokong pelaksanaan ‘Malaysia MADANI’ ini, Yang Amat**

**Berhormat Perdana Menteri**  
**turut mengetengahkan**  
**beberapa dasar utama**  
**Kerajaan, termasuklah**  
**Kerangka Strategik Malaysia**  
**MADANI, dan agenda Ekonomi**  
**MADANI: Memperkasa Rakyat,**  
**yang menjadi wadah bagi**  
**mengangkat semula darjat dan**  
**martabat ekonomi negara.**

**41. Ini seterusnya disusuli dengan Kajian Separuh Penggal RMKe-12, pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR).**

**42. Dan, menginjak ke tahun baharu, Belanjawan 2024 dengan tema ‘Reformasi Ekonomi, Memperkasa**

**Rakyat’, telah memperkuuhkan lagi hala tuju pembentukan ‘Malaysia MADANI’.**

**43. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selalu menyebut tentang rasionalisasi subsidi, menoktahkan kemiskinan, keterjaminan makanan, gaji progresif, isu tandas di**

**sekolah-sekolah, juga sekolah dan klinik daif, kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI), usaha memperkuuh bahasa Melayu, memperkasa bahasa Inggeris, serta naik taraf gerai dan kemudahan lain.**

**44. Begitu juga tentang Pangkalan Data Utama atau PADU, dan yang masih hangat**

**diperkatakan, iaitu Kajian  
Saraan Baharu Perkhidmatan  
Awam.**

**45. Maka di sini, saya ingin  
melontarkan persoalan  
tentang sejauh mana  
perkhidmatan awam  
menyambut dasar-dasar  
utama ini dan  
menterjemahkannya ke  
dalam bentuk pelaksanaan?**

**46. Sejauh mana juga kita sebagai ketua-ketua jabatan dan pegawai bertindak dan memastikan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi berjaya dilaksanakan?**

**47. Contohnya, pada tahun 2024, peruntukan sebanyak 2.4 bilion telah diberikan bagi pelaksanaan penyelenggaran kuarters penjawat awam,**

**guru, hospital, polis, tentera  
dan bomba.**

**48. Maka, sehingga kini,  
apakah perancangan dan  
tindakan segera yang telah  
kita ambil? Ini kerana para  
penghuni yang terlibat  
memerlukan kediaman yang  
selesa dengan segera untuk  
dihuni bersama keluarga  
mereka. Mereka tak ada masa**

**untuk tunggu kita sekadar  
bermesyuarat dan lawat tapak  
semata-mata. Jika bumbung  
bocor atau berlakunya  
kerosakan paip pada hari ini,  
maka takkanlah nak kena  
tunggu berbulan-bulan, baru  
boleh baiki? Kita tak nak  
*firefighting. Prevention is  
better than cure. Preventive  
and risk-based building  
maintenance* perlu**

**diperkemaskan dalam pengurusan kontrak penyelenggaraan fasiliti.**

**49. Pada ketika ini, banyak projek yang lewat jadual disebabkan oleh pelbagai isu terutamanya pemilihan kontraktor yang tidak kompeten. Maka, pemantauan mesti dibuat berdasarkan kompleksiti projek yang**

**ditender. Ini bermaksud, pemantauan dibuat berdasarkan *key preventive measures* yang dikenalpasti melalui *project risk management.***

**50. Contohnya, jika *project variance* melebihi 10 peratus, kita perlu melaksanakan *project risk intervention* untuk memastikan ia akan siap ikut**

**jadual. Terdapat pelbagai kaedah dalam *project risk intervention*. Salah satu yang paling kritikal ialah konsultasi dengan kontraktor terlibat bagi melihat keupayaan pembiayaan projek atau *project financing*.**

**51. Jadi, bagi memastikan semua prakarsa dan aspirasi yang ditetapkan ini *in place*,**

**maka mekanisme pemantauan  
dan pengukuran hendaklah  
diperkasakan. Saya mohon  
perkara ini diteliti oleh PACU,  
ICU, JPA dan lain-lain agensi.**

**CABARAN JURANG DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM**

**Para hadirin sekalian,**

**52. Hakikatnya masih terdapat cabaran jurang yang perlu perkhidmatan awam tangani.**

**53. Dari sudut modal insan misalnya. Masih ada yang mengamalkan pemikiran silo dan tidak kurang juga yang mementingkan *territorial* – hendak berada asing pada takuknya dan memilih untuk**

**tidak ambil kisah pun pasal orang lain buat apa.**

**54. Kalau daripada segi kompetensi pula, berlaku keadaan di mana pegawai dan staf tidak cukup latihan, yang membawa kepada kepimpinan dan pengurusan prestasi yang tidak berkesan sehingga memberikan implikasi kepada pengurusan bakat.**

**55. Itu belum lagi dari sudut pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan. Macam yang saya sebutkan tadilah – sejauh mana perkhidmatan awam kita memenuhi tuntutan pelaksanaan dasar – sedangkan pada realitinya, kita masih dimomoki karenah birokrasi, *red tape*, selain daripada dasar-dasar lapuk**

**dan strategi atau pun  
pekeliling yang sudah tidak  
lagi relevan untuk diguna  
pakai.**

**56. Ini menjadikan masih  
terdapat penyampaian  
perkhidmatan awam masih  
ditakuk yang konvensional.  
Infrastruktur yang ada,  
khususnya kemudahan ICT**

**juga tidak terkini (not up-to-date).**

**57. Kalau sebut pemantauan pula, ada antaranya kita dapati tidak berkesan atau pun kurang dilaksanakan.**  
**Contohnya, proses kajian dan semakan yang kita buat itu ambil masa yang terlalu lama. Itu yang jadi banyak projek sakit tu sebab peram lama-**

**lama pekeliling atau garis panduan baharu, sama ada nak keluar ke tak? Nak edar ke tak? Lama-lama yang sedia ada jadi lapuk. Memang ada yang buat tindakan susulan tetapi sekali itu sahajalah, tak *follow through.***

**58. Kemudian, kalau kita lihat dari aspek *Whole-of-Nation*, saya dapati penajaran**

**hala tuju strategik di peringkat nasional tidak sejajar dengan GLC atau CLBG. Maknanya, kurang atau tidak mengambil kira kepentingan GLC dan CLBG sebagai antara pemegang taruh utama dalam Kerajaan.**

**59. Natijahnya, kerjasama yang dilaksanakan, khususnya antara sektor awam dengan**

**GLC, tidak berkesan dan hanya  
cantik di atas kertas.**

**60. Di muka media sosial  
pula kita dihidangkan dengan  
persepsi negatif masyarakat di  
luar sana yang kononnya kita  
melakukan apa yang kita fikir  
nak buat, dan bukan apa yang  
rakyat perlukan.**

**Para hadirin sekalian,**

**61. Bertitik tolak daripada cabaran atau pun jurang yang sebutkan tadi, maka kita perlu melihat semula kaedah kerja yang kita praktikkan selama ini. Betul, kalau di jabatan tuan-tuan dan puan-puan ada kerjasama itu. Namun, saya lebih menekankan kepada pentingnya semangat kerja secara berpasukan merentas kementerian atau jabatan.**

**62. Contohnya, melalui STAR  
di mana saya telah mengenal  
pasti beberapa orang pegawai  
kanan untuk mengetuai dan  
seterusnya melaksanakan  
Inisiatif Bitara MADANI secara  
merentas agensi. Maksudnya,  
Ketua Projek bagi sesebuah  
inisiatif itu adalah daripada  
Kementerian yang berbeza –  
yang dari KPT kena buat  
projek yang KPM punya, yang**

**dari MITI kena lihat projek  
KKM dan ada beberapa lagi.**

**63. Alhamdulillah, idea yang unik ini telah menampakkan hasil dan memberikan impak yang besar, bukan sahaja kepada kumpulan sasaran yang menerima manfaat, tetapi lebih utama, kaedah ini telah membina potensi diri dan membentuk ciri-ciri pemimpin**

**yang MADANI dalam kalangan  
pegawai yang terlibat. Syabas  
dan tahniah saya ucapkan!**

**64. Dalam perkara ini, saya  
melihat ada keperluan untuk  
melihat dan  
mempertimbangkan agar  
sistem penilaian berasaskan  
prestasi turut diambil kira  
dalam Kajian Sistem Saraan**

## **Perkhidmatan Awam (SSPA)**

**yang baharu.**

**65. Dan saya percaya, untuk mengekalkan bakat-bakat terbaik yang kita ada, kita perlu laksanakan tiga kaedah, iaitu ARC atau *attracting, retaining, and coaching the best talents*. In sha-Allah, akan lebih ramai pemimpin-**

**pemimpin berpotensi yang dapat dibentuk.**

**66. Dalam pada itu, amalan kawal selia yang baik khususnya terhadap dasar dan strategi baharu yang diperkenalkan diharap akan dapat membantu meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kita.**

**67. Begitu juga dengan elemen pendigitalan penyampaian perkhidmatan yang perlu dipertingkatkan, di samping menanda aras amalan terbaik pengurusan projek bersepadu yang telah berjaya dilaksanakan.**

**Mengukuhkan lagi perkara ini, tindakan susulan menggunakan pendekatan proaktif perlu diaplikasikan.**

**68. Jangan kita tunggu je orang bagi ke kita, sebaliknya minta mereka bagi maklum balas segera. Kalau dia tak boleh pergi ke kita, kita pula pergi ke dia.**

**69. Daripada aspek whole-of-nation pula, pihak GLC dan CLBG hendaklah membuat penjajaran yang strategik dengan hala tuju negara.**

**Kerjasama pelbagai agensi, keterangan dan penyertaan aktif pihak berkepentingan merupakan kunci utama kepada berjayanya aspirasi whole-of-nation ini.**

**70. Dalam masa yang sama, perkhidmatan yang kita tawarkan kepada rakyat hendaklah dipromosikan**

**secara strategik dan kreatif.  
Dendangkan dan optimumkan  
sepenuhnya segala sumber  
dan platform yang kita ada –  
media sosial, media perdana  
dan segala jenis media agar  
sampai kepada rakyat.**

**71. Pertama, rakyat kena  
tahu yang kita ini buat kerja.  
Yang kedua, rakyat kena tahu  
yang kita ini bukan sekadar**

**buat kerja, tapi bagus dalam  
buat kerja.**

**72. Hal ini penting untuk  
membina persepsi yang positif  
serta membentuk keterlihatan  
yang lebih jelas di mata  
rakyat.**

**FOKUS DAN KEUTAMAAN  
TAHUN 2024: *CIVIL SERVICE*  
*REFORM***

**73. Jadinya, untuk tahun 2024 ini keutamaan saya adalah kepada *civil service reform* – islah masta to'tum merangkumi peningkatan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme penjawat awam dalam memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang telus, pantas dan mencapai keberhasilan yang ditetapkan.**

**74. YAB Perdana Menteri sering menekankan perkara ini, dan amat berharap bahawa kita menerajui perubahan yang berterusan yang menyasarkan pengurangan ketirisan, peningkatan hasil dan pengoptimuman sumber sedia ada tanpa pembaziran. ini sekaligus akan memberi limpahan kebaikan kepada negara dan akan terus dapat**

**dirasai semula oleh penjawat awam melalui sistem saraan yang lebih relevan dengan kos sara hidup semasa.**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

**75. Civil Reform yang akan dilaksanakan ini akan berdasarkan dua (2) perkara utama, iaitu pertamanya,**

**kepada aspek ‘Modal Insan  
dalam Perkhidmatan Awam’  
serta yang kedua,  
‘Pelaksanaan Dasar dan  
Penyampaian Perkhidmatan’.**

**76. Seperti yang semua sedia  
maklum, Kerajaan sedang giat  
melaksanakan fasa akhir bagi  
Kajian Sistem Saraan  
Perkhidmatan Awam (SSPA)  
yang baharu. Kita telah pun**

**menyerahkan Laporan interim  
yang pertama kepada Yang  
Amat Berhormat Perdana  
Menteri pada 19 Januari 2024.**

**77. Pelaksanaan SSPA ini  
mesti diberikan keutamaan.  
Mengapa demikian? Sebab ini  
ialah tunjang utama *reform*  
yang akan menentukan  
keberhasilan dan produktiviti  
penjawat awam.**

**78. memang sudah sampai pun masanya untuk kita beri suntikan baharu ke dalam sistem saraan sedia ada – buat reformasi. Tempoh 20 tahun lebih pelaksanaan sistem sedia ada juga dilihat tidak lagi relevan, apatah lagi sekarang ini kos sara hidup kian meningkat.**

**79. Baru-baru ini telah tersebar berkenaan dengan kaedah perlantikan interim penjawat awam, iaitu secara kontrak bercarum – tak sempat pun untuk kita buat kenyataan dan pencerahan, sehingga pelbagai spekulasi timbul. Ada yang menerima secara positif, malah tidak kurang juga yang memberikan respons bertentangan.**

**80. Sebagai penjawat awam yang berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam, saya mengharapkan kerjasama daripada semua pihak untuk fahamkan kepada pihak di luar sana dan juga sesama penjawat awam akan keperluan pelaksanaan kaedah perlantikan interim ini, agar tidak timbul polemik yang berpanjangan.**

**81. Perlu faham bahawa kaedah ini dibuat untuk tempoh interim sahaja sehingga selesai Kajian SSPA ini. Jika kita tidak lakukan sesuatu sekarang akan memberikan implikasi kepada kedudukan fiskal negara pada masa hadapan.**

**82. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan**

**aspek ‘Kepimpinan MADANI’ iaitu sejauh mana pencapaian prestasi Kementerian atau lebih khususnya Ketua-ketua Jabatan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan dasar Kerajaan MADANI.**

**83. Jika sebelum ini penilaian prestasi Ketua Jabatan kita laksanakan secara konvensional iaitu beri**

**markah selepas setahun penilaian, maka saya minta mulai tahun ini satu dimensi baharu kaedah penilaian prestasi khusus kepada Ketua Jabatan, iaitu performance-based KPI berdasarkan *Sistem Demerit Performance Evaluation* yang saya gelarkan sebagai DEEP diperkenalkan.**

**84. Untuk fasa pertama pelaksanaan DEEP ini, fokus adalah kepada indikator generik, iaitu:**

**Pertama: Pelaporan Bulanan Progresif (progressive monthly reporting) berdasarkan komitmen Kementerian dan KSU/KP dikemukakan kepada saya dan seterusnya diangkat kepada YAB Perdana Menteri.**

**Yang ini akan diputuskan  
semasa retreat KSU/KP pada  
penghujung bulan ini; dan**

**Kedua: Jumlah Libat Urus  
(Engagement) bersama  
pemegang taruh dan  
pelanggan melalui pelbagai  
platform termasuk dengan  
media.**

**85. Ini bermakna, semua Ketua Jabatan akan bermula dengan mata 100%. Tiada judgement atau sangkaan. Semua adil dan saksama. Namun, bagi setiap kegagalan untuk *meet the performance objectives*, akan dikenakan demerit. Dan pada akhirnya, jumlah terkumpul akan digunakan bagi penilaian**

## **kepimpinan dan KPI Ketua Jabatan.**

**86. Walau bagaimana pun, kaedah ini bukanlah bertujuan untuk menghukum atau *penalised* ketua jabatan. Oleh itu, saya minta ada juga kaedah untuk menyeimbangkan demerit yang dikenakan ini.**

**87. Dan untuk itu, Jabatan Perkhidmatan Awam akan menjadi penyelaras utama bagi keseluruhan pelaksanaan DEEP.**

**88. Bagi keutamaan yang kedua, iaitu aspek pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan semasa**

**Permukiman Jemaah Menteri yang lalu telah bersetuju supaya fokus baharu 2024 adalah berdasarkan kepada enam (6) Bidang Fokus Keutamaan (Key Performance Areas, KPAs), iaitu:**

- (1) Nilai dan Akhlak;**
- (2) Menoktahkan Kemiskinan;**
- (3) Reformasi Pendidikan;**
- (4) Reformasi TVET;**

**(5) Perlindungan Sosial; dan**

**(6) Kerterjaminan Makanan.**

**89. Pelaksanaan kesemua KPAs ini sudah tentu memerlukan sinergi dan kerjasama secara ‘whole-of-government’ dan ‘whole-of-nation’ approach.**

**90. Dalam konteks ‘whole-of-government’, kita telah pun**

**mulakannya menerusi pasukan STAR, yang mana banyak proses dan prosedur telah dipermudahkan melalui perekayasaan semula kerja, merentas Kementerian dan agensi.**

**91. Antara contoh pelaksanaan ialah inisiatif mengurangkan kesesakan pesakit di hospital kerajaan,**

**dan projek pembangunan sekolah daif dan ada lagi beberapa projek yang lain. Yang akan datang ialah projek penyelenggaraan kuarters.**

**92. Bermula tahun 2024 ini, saya ingin mengetengahkan satu lagi pendekatan unik yang boleh dilaksanakan berdasarkan ‘whole-of-nation approach’.**

**93. Pertama, menjadikan penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sebagai sebahagian daripada strategi pelaksanaan bersama, dan bukan sekadar buat CSR atau khidmat sosial semata-mata; dan**

**94. Kedua, meletakkan peranan strategik GLC dalam pelaksanaan Ekonomi MADANI**

**dan enam (6) KPAs yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.**

**95. Dalam erti kata lain, untuk tahun ini, saya mahu penglibatan GLC lebih menyerlah, lebih-lebih lagi dalam usaha merealisasikan agenda Malaysia MADANI.**

**96. Selain itu, saya minta agar setiap Ketua Jabatan**

**untuk terus memikirkan idea-idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif.**

**97. Sebagai contoh, kita boleh perkenalkan penggunaan Kad Debit Bantuan (Integrated aid) bagi Semua Kementerian Dan Agensi Kerajaan. Pada ketika ini, pemberian bantuan kerajaan kepada golongan**

**sasar dilihat tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan mempunyai pertindanan bantuan.**

**98. Oleh itu, kita harus fikirkan apakah kaedah pembayaran yang sesuai kepada golongan sasar supaya tidak bertindan.**

**99. Contohnya, penggunaan Kad Electronic Benefit Transfer (EBT) yang dilaksanakan di Amerika Syarikat merupakan salah satu kaedah pemberian bantuan bagi memastikan kesemua kumpulan sasaran dapat bantuan dengan lebih cekap. Kad EBT kelihatan seperti kad debit. Kad EBT membolehkan kita membeli**

**barangan runcit dan barangan lain dengan faedah tunai di kedai yang mengambil bahagian di pelbagai lokasi.**

**100. Kad ini digunakan untuk dua bantuan sementara iaitu Family Assistance and Safety Net Assistance di Amerika Syarikat. Program ini memudahkan penyaluran bantuan kepada golongan isi**

**rumah termiskin dan  
disatukan segala bantuan  
kepada mereka supaya  
bantuan hanya masuk melalui  
kad ini tanpa berlaku  
pertindanan bantuan. Kita  
perlu lebih berdaya cipta  
supaya dapat membentuk satu  
kaedah pembayaran bantuan  
seperti ini supaya  
memudahkan penyaluran  
bantuan.**

**101. Pemberian kad ini dapat memberikan bantuan pembelian kepada golongan termiskin di mana-mana peniagaan yang mempunyai mesin pembayaran kad kredit dan kad debit di seluruh negara. Kaedah pemberian wang boleh melalui kad ini bagi golongan termiskin untuk membeli barang dengan harga diskau, dapat mengeluarkan**

**wang untuk kegunaan pembelian pakaian sekolah, pembayaran yuran taska dan penggunaan pembayaran di klinik diseluruh negara.**

**102. Kerjasama pelaksanaan ini boleh dilaksanakan dengan bank-bank terpilih seperti Maybank dan CIMB. Kita perlu mempunyai mempunyai mekanisme yang berkesan**

**dengan institusi perbankan bagi  
melaksanakan penggunaan  
kad seperti kad EBT yang  
dilaksanakan di Amerika  
Syarikat ini.**

## **PENUTUP**

**Hadirin yang saya kasihi  
sekalian,**

**103. Melaksanakan segala dasar dan strategi di bawah Malaysia MADANI ialah tanggungjawab semua penjawat awam. Kitalah benteng Malaysia, yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.**

**104. Jadinya, menjadi pengharapan saya agar**

**seluruh perkhidmatan awam  
memberikan sokongan dan  
dokongan yang tidak berbelah  
bahagi kepada Kerajaan pada  
hari ini, di bawah pimpinan  
Yang Amat Berhormat Perdana  
Menteri dan Kabinet Kerajaan  
MADANI – seperti kata  
perumpamaan, “Di mana bumi  
dipijak, di situlah langit  
dijunjung.”**

**105. Laksanakanlah peranan kita sehabis baik. Insya-Allah, dengan upaya yang kita ada, aspirasi Malaysia MADANI dapat kita realisasikan bersama.**

**Sekian. Wabillahitaufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**